

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HAJI
HABIBOLLAH
[Limbang]**

TARIKH : 24.03.2015 (SELASA)

NO. SOALAN : 29

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan:-

- a. Bilakah Jalan
Meritam/Telahak/Buangabai/Pengkalan
Rejab/Sungai Poyan Fasa 3 yang terbengkalai dan
sudah di "*retender*" akan bermula, dan

- b. Bilakah Jalan
Meritam/Telahak/Buangabai/Pengkalan
Rejab/Sungai Poyan Fasa 4 yang sudah diserahkan
kepada kontraktor akan bermula.

Jawapan :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Jalan Meritam/Telahak/Buang Abai, Sarawak (Fasa 2) yang telah ditender semula pada September 2014 sedang dalam proses pelantikan kontraktor. Adalah dijangkakan bahawa penyerahan tapak kepada kontraktor akan dilakukan selewat-lewatnya pada Mei 2015.

Manakala bagi Projek Jalan Meritam/Telahak/Buang Abai, Sarawak (Fasa 3) telah pun dimulakan pada Oktober 2014 dan sedang dalam peringkat pembinaan. Sehingga kini, peratus pencapaian adalah 28.8% berbanding jadual 66.0%. Kelewatan projek adalah disebabkan oleh terdapat perselisihan di antara pihak kontraktor yang dilantik dengan sub-kontraktor. Isu ini sedang diatasi bersama oleh pihak Kementerian dan JKR Sarawak dan dijangkakan selesai pada April 2015.